

PERFECT RIDER PLUS



Polisi Insurans Kemalangan Diri

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1 300 88 8990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

Isi Kandungan:

1	Definisi	1
2	Faedah-faedah	2
	• Kematian Akibat Kemalangan	2
	• Hilang Upaya Kekal	2
	• Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik Dan/atau Yuran Ambulans	3
	• Pendapatan Hospital	3
	• Elaun Pengebumian	3
	• Perbelanjaan Ehsan Akibat Banjir	3
	• Baki Kad Kredit Tertunggak	3
	• Indemniti Berganda	3
	• Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan Dan Perkhidmatan Tunda Di Dalam Malaysia	4
	• Perbelanjaan Gantian Kereta	4
	• Elaun Ehsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh Kenderaan Akibat Perlanggaran Atau Kecurian Kenderaan	4
	• Perbelanjaan Sewa Teksi Dan Kereta	4
	• Perbelanjaan Penginapan Hotel Bagi Kerosakan Kenderaan Di Malaysia	5
	• Perbelanjaan Penginapan Hotel Bagi Kerosakan Kenderaan Di Republik Singapura	5
	• Program Bantuan Rujukan	5
	• Perlindungan Ehsan Untuk Samun Dan Pecah Tingkap	6
	• Perlindungan Pinjaman Kereta	6
	• Bantuan Antarabangsa	6
3	Peruntukan Khas	7
4	Pengecualian	8
5	Syarat-syarat	10
6	Fasal Dan Pengendorsan dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi (sah jika dinyatakan secara khusus dalam Jadual)	13
7	NOTIS PENTING	13

PERFECT RIDER PLUS

Polisi Insurans

DUTI SETEM DIBAYAR

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan telah membuat cadangan bertulis dan pengisytiharan untuk tujuan mendapatkan perlindungan insurans di mana cadangan dan pengisytiharan bertulis tersebut akan menjadi asas kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripadanya telah memohon kepada Liberty General Insurance Berhad untuk insurans yang terkandung di dalam Polisi ini dan telah membayar premium yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai pertimbangan insurans tersebut untuk tempoh yang dinyatakan di dalam Jadual.

MAKA POLISI INI MEMPERSAKSIKAN: Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Diinsuranskan secara dan setakat yang dinyatakan:

Syarikat bersetuju dengan Pihak Diinsuranskan jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans atau tempoh masa yang berikutnya di mana Pihak Diinsuranskan telah membayar dan Syarikat bersetuju menerima bayaran premium, Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan sebagai pemandu dan/atau penumpang ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari Kereta yang dinamakan dalam Jadual (kemudian ini dirujuk sebagai "Kereta Dinamakan") mengalami kecederaan anggota badan, secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan oleh punca-punca kemalangan yang menyebabkan kematian atau hilang upaya, Syarikat akan membayar sejumlah wang seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan mengikut Jadual Pampasan di dalam Polisi ini.

Sebagai tambahan, Syarikat akan menyediakan perlindungan atas faedah lain yang dinyatakan di dalam Polisi ini sehingga jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

1 Definisi

1. **Kita/Kami/Liberty General/Syarikat** bermaksud Liberty General Insurance Berhad.
2. **Jadual** bermaksud Jadual Polisi, yang dilampirkan dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini.
3. **Pihak Diinsuranskan** bermaksud individu/persatuan/koperasi/syarikat yang dinyatakan di dalam Jadual dan beliau adalah pemilik Kereta Dinamakan.
4. **Orang yang Diinsuranskan** bermaksud pemandu dan/atau penumpang dengan kebenaran Pihak Diinsuranskan untuk memandu atau menumpang sebagai penumpang menaiki atau turun dari Kereta Dinamakan dalam Polisi.
5. **Tempoh Insurans** bermaksud tarikh kuat kuasa insurans yang dinyatakan sehingga tarikh luputnya untuk perlindungan insurans sepertimana dinyatakan di dalam Jadual.
6. **Pengamal Perubatan** bermaksud pakar perubatan yang berkelulusan dengan ijazah dalam Perubatan Barat yang berkelayakan dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan, kecuali pakar perubatan yang merupakan Pihak Diinsuranskan itu sendiri, atau pasangan atau waris terdekat Pihak Diinsuranskan.
7. **Had Kawasan** bermaksud perlindungan terhad kepada di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam kecuali dinyatakan sebaliknya di bawah faedah perlindungan berkaitan di dalam Polisi ini.
8. **Hospital** bermaksud institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat dua puluh empat (24) jam jagaan jururawat yang berkelayakan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, institusi mental, atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol atau rumah jagaan orang tua.
9. **Kehilangan penglihatan** bermaksud kehilangan penglihatan secara keseluruhan menyebabkan Pihak Diinsuranskan dan/atau Orang yang Diinsuranskan buta sepenuhnya dan tiada pemulihan dari segi pembedahan atau rawatan lain.
10. **Kehilangan keupayaan bertutur** bermaksud kehilangan keupayaan kekal untuk berkomunikasi secara lisan.

11. **Kehilangan pendengaran** bermaksud kehilangan upaya kekal pendengaran dan tidak boleh dipulihkan.
12. **Diawasi** bermaksud Pihak Diinsuranskan / Orang yang Diinsuranskan berada di dalam Kereta Dinamakan atau dengan jarak yang hampir dengan Kereta Dinamakan dan kenderaan dinamakan di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan / Orang yang Diinsuranskan.
13. **Di jalan raya** bermaksud mana-mana jalan, jalan masuk atau kawasan tempat letak kereta.
14. **Perkelahian/Pergaduhan** bermaksud pertengkaran atau pergaduhan yang riuh rendah dan sering ganas sama ada dirangsangkan atau tidak.
15. **Demonstrasi** bermaksud manifestasi sokongan rasa tidak puas hati atau bantahan melalui perhimpunan dan perarakan awam.

2 Faedah-faedah

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila kecederaan anggota badan mengakibatkan kehilangan nyawa **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** dalam Kereta Dinamakan dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan, **Syarikat** akan membayar jumlah faedah menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual**.

2. HILANG UPAYA KEKAL

Apabila kecederaan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** bagi Kereta Dinamakan dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan tetapi mengakibatkan kecederaan seperti berikut dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar tersebut, **Syarikat** akan membayar kehilangan berikut mengikut pelan yang dipilih seperti dinyatakan di dalam **Jadual**.

Jadual Pampasan

Keterangan Pampasan Hilang Upaya	Pampasan (Peratus (%) daripada Amaun Prinsipal Diinsuranskan)
Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki atau penglihatan kedua-dua belah mata	100
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	100
Lumpuh keseluruhan (dari leher ke bawah)	100
Kuadriplegia Kekal (Kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal)	100
Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki	50
Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga	50
Kehilangan keupayaan bertutur	50
Kehilangan penglihatan sebelah mata	50
Kehilangan semua jari kaki	50

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Agregat semua peratus boleh dibayar di bawah faedah Hilang Upaya Kekal untuk mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap individu.

Jika berlaku tuntutan Hilang Upaya Kekal yang kemudiannya diikuti oleh kematian **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** akibat kemalangan yang sama, jumlah amaun yang akan dibayar tidak akan melebihi jumlah prinsipal untuk Kematian Akibat Kemalangan.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN, PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK DAN/ATAU YURAN AMBULANS

a) PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika berlaku kecederaan anggota badan, **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu mendapatkan rawatan daripada **Pengamal Perubatan**, diwadkan dalam **Hospital** atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah, **Syarikat** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat.

b) PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK

Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik akan dibayar jika dicadangkan dan dilakukan oleh pakar Ortodontik atau Pakar Pembedahan Kosmetik selepas kemalangan yang melibatkan kecederaan anggota badan. Faedah ini dihadkan kepada perbelanjaan sebenar yang dikenakan untuk rawatan tersebut dengan syarat pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemalangan.

c) YURAN AMBULANS

Syarikat akan membayar balik yuran ambulans yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans yang membawa **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** ke dan/atau dari **Hospital** apabila perlu.

Jumlah yang perlu dibayar dibawah Faedah 3 terhad kepada jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap orang untuk setiap satu kemalangan.

4. PENDAPATAN HOSPITAL

Syarikat akan membayar elaun tunai harian kepada **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** untuk jangka masa diwadkan di dalam hospital tidak melebihi enam puluh (60) hari dalam setahun. Faedah ini akan dibayar kepada **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** sebagai akibat langsung daripada kecederaan anggota badan yang perlu diwadkan dalam **Hospital** melebihi dua puluh empat (24) jam dan kemasukan hospital tersebut berlaku dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan.

Jika **Tempoh Insurans** kurang daripada satu (1) tahun, had masa kemasukan hospital enam puluh (60) hari akan dikurangkan mengikut perkadaran.

5. ELAUN PENGEBUMIAN

Syarikat akan membayar amaun yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai Elaun Pengebumian kepada waris terdekat atau wakil sah kepada **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** selepas tuntutan sah perlu dibayar di bawah Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan).

Jika **Pihak Diinsuranskan** mengalami kematian akibat Ebola, SARS, Japanese Encephalitis (JE), Chikungunya, Malaria dan Denggi, jumlah diinsuranskan di bawah faedah ini akan digandakan dan dibayar dengan syarat ia tidak diisytiharkan sebagai wabak di Malaysia.

6. PERBELANJAAN EHSAN AKIBAT BANJIR

Syarikat akan membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** perbelanjaan sebenar yang ditanggung sehingga jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk setiap kejadian dan setiap tempoh insurans sebagai Perbelanjaan Ehsan Akibat Banjir disebabkan oleh kerosakan akibat banjir kepada Kereta Dinamakan di dalam **Jadual**. **Pihak Diinsuranskan** mesti mengemukakan kepada **Syarikat** salinan laporan polis untuk kejadian banjir tersebut dan resit perbelanjaan yang ditanggung.

7. BAKI KAD KREDIT TERTUNGGAK

Syarikat akan membayar amaun yang diperlukan untuk membayar balik baki tunggakan kad kredit **Pihak Diinsuranskan**, termasuk faedah dikenakan sehingga dan termasuk pada tarikh kemalangan jika berlaku kematian **Pihak Diinsuranskan** akibat kemalangan, sehingga jumlah yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Faedah ini akan dibayar kepada waris terdekat atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan**. Walau bagaimanapun, faedah ini hanya akan dibayar kepada **Pihak Diinsuranskan** yang memiliki kad kredit atas namanya (kecuali baki tertunggak oleh pemegang kad kredit tambahan). Faedah ini tidak akan dibayar di mana nama **Pihak Diinsuranskan** yang tertera di dalam Polisi adalah atas nama persatuan, koperasi atau syarikat.

8. INDEMNITI BERGANDA

Syarikat akan membayar dua kali ganda jumlah diinsuranskan untuk Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal sekiranya **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** mengalami sama ada kematian akibat kemalangan, kuadriplegia kekal atau lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah di dalam kemalangan yang melibatkan Kereta Dinamakan seperti di dalam **Jadual** dan kejadian kemalangan tersebut berlaku ketika cuti umum seluruh Malaysia.

9. PERKHIDMATAN BANTUAN KEROSAKAN KENDERAAN DAN PERKHIDMATAN TUNDA DI DALAM MALAYSIA

Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi ini layak untuk menerima faedah Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda, disediakan oleh **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang disahkan oleh **Syarikat**, 24 jam sehari, 365 hari setahun dalam Malaysia sahaja. Faedah ini akan diberikan kepada **Pihak Diinsuranskan** / pemandu Kereta Dinamakan seperti dinyatakan dalam **Jadual** apabila berlaku kejadian kerosakan kepada Kereta Dinamakan dalam **Tempoh Insurans**. **Pihak Diinsuranskan** / pemandu Kereta Dinamakan mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1-800-88-5005 untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda ini adalah tidak dihadkan untuk bilangan kejadian.

Jika Kereta Dinamakan mengalami kerosakan, **Syarikat** akan menyediakan perkhidmatan berikut tanpa kos kepada **Pihak Diinsuranskan** / pemandu:

- Menukar tayar pancit
- Mengganti bateri (jika bateri baharu diperlukan, perbelanjaan ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** / pemandu)
- 'Jump start' enjin Kereta Dinamakan

Kos untuk semua baikpulih kenderaan termasuk penggantian alat, dilakukan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan mestilah dirunding dan dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** / pemandu dan penyedia perkhidmatan. Kos ini adalah tanggungjawab **Pihak Diinsuranskan** / pemandu. Jika Kereta Dinamakan memerlukan tundaan kerosakan untuk melengkapkan baikpulih, **Kami** akan menguruskan tundaan ke bengkel penyedia perkhidmatan terdekat atau destinasi khusus yang diminta oleh **Pihak Diinsuranskan** / pemandu dan dipersetujui oleh **Kami** dalam lingkungan had jarak yang dinyatakan di dalam **Jadual**. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan oleh pihak berkuasa dan yuran parkir (jika ada) tidak termasuk dalam perlindungan.

Kereta Dinamakan tidak akan dilindungi untuk bantuan kerosakan dan penundaan jika:

- a) Perkhidmatan tunda yang tidak dikendalikan secara langsung oleh Syarikat atau penyedia perkhidmatan yang dilantik.
- b) kereta tidak mempunyai enjin atau tidak boleh digerakkan, untuk tujuan melupuskan kereta atau menunda dari satu bengkel ke bengkel lain.
- c) jika berlaku kegagalan fungsi kuasa atau malapetaka yang menghindari Syarikat atau penyedia perkhidmatan untuk memberikan bantuan yang diperlukan.
- d) perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan.
- e) kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.
- f) petrol, bayaran letak kereta, caj penginapan dan telefon melainkan dinyatakan secara khusus.
- g) perkhidmatan tunda untuk Kereta Dinamakan selepas ia dihantar untuk kerja mengecat.
- h) bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan kerosakan akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Kami dapat menghantar bantuan ke lokasi Kereta Dinamakan.
- i) Kereta Dinamakan terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan).
- j) kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda menyertai secara sengaja.
- k) sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda atau semasa menggunakan Kereta Dinamakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang.
- l) perkhidmatan menunda atau membaiki kenderaan komersial seperti tetapi tidak terhad kepada lori, trak, gerabak, teksi dan lain-lain. Kami berhak untuk tidak memberikan bantuan dan tunda kepada kenderaan tersebut.
- m) apabila Kereta Dinamakan berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap.
- n) apabila Kereta Dinamakan masih boleh dipandu dan tidak menimbulkan sebarang risiko semasa memandu dari segi undang-undang.
- o) apabila Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda meminta untuk mendapatkan perkhidmatan tunda kali kedua untuk kejadian yang sama.
- p) jika Kereta Dinamakan memerlukan peralatan khas dan/atau teknik khusus semasa proses pemulihan atau tunda seperti penggunaan kren, boom, win dan lain-lain.
- q) sebarang permintaan tunda disebabkan oleh penarikan balik pengeluar kenderaan melainkan terdapat kejadian yang dilindungi bawah Polisi Anda.
- r) sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.

10. PERBELANJAAN GANTIAN KERETA

Syarikat akan membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** perbelanjaan sebenar yang dialami sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk setiap kemalangan sebagai perbelanjaan penggantian kereta sekiranya berlaku tuntutan kerugian menyeluruh atau kecurian kepada Kereta Dinamakan. Untuk bayaran balik, **Pihak Diinsuranskan** dikehendaki membuktikan kepada **Syarikat** bahawa tuntutan kerugian menyeluruh atau kecurian telah dibayar/dijelaskan dan resit asal daripada syarikat sewa kereta hendaklah diserahkan kepada **Syarikat**.

11. ELAUN EHSAN BAGI KERUGIAN PENUH/MENYELURUH KENDERAAN AKIBAT PERLANGGARAN ATAU KECURIAN KENDERAAN

Jika berlaku kerugian penuh/menyeluruh akibat pelanggaran kereta atau kecurian kepada Kereta Dinamakan, **Syarikat** akan membayar amaun yang bersamaan dengan 10% daripada jumlah diinsuranskan yang melindungi Kereta Dinamakan di bawah polisi insurans kenderaan persendirian motor komprehensif sehingga amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap kejadian.

Faedah ini hanya akan dibayar jika Kereta Dinamakan diinsuranskan di bawah polisi insurans kenderaan persendirian motor komprehensif dengan **Liberty General** dan tuntutan motor insurans telah dibayar/dijelaskan.

12. PERBELANJAAN SEWA TEKSI DAN KERETA

Jika berlaku kerosakan melibatkan Kereta Dinamakan semasa di Malaysia dan sekiranya **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu menggunakan teksi atau menyewa kereta, **Syarikat** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dialami sehingga amaun yang dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap kejadian.

Untuk perbelanjaan sewa kereta, **Syarikat** hanya akan membayar jika

- a) Kereta Dinamakan mengalami kerosakan satu ratus (100) kilometer dari alamat rumah tetap **Pihak Diinsuranskan** / pemandu di Malaysia dan kejadian berlaku semasa beliau dalam perjalanan kerja atau santai; dan
- b) Baikpulih mengambil masa melebihi empat puluh lapan (48) jam.

Pembayaran balik di bawah faedah ini terhad kepada tiga (3) kali setahun dan resit asal daripada syarikat/pengendali teksi dan kereta sewa berlesen mestilah diserahkan kepada **Syarikat** untuk pembayaran balik.

Faedah 12 hanya akan dibayar jika Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda dilakukan oleh **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Syarikat** melainkan dinyatakan secara khusus bahawa Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda tersebut tidak dilindungi di bawah Faedah 9.

13. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL BAGI KEROSAKAN KENDERAAN DI MALAYSIA

Jika berlaku kerosakan melibatkan Kereta Dinamakan semasa di Malaysia dan sekiranya **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** memerlukan penginapan hotel, **Syarikat** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dialami sehingga jumlah khusus yang dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap kejadian jika:

- a) Kereta Dinamakan mengalami kerosakan satu ratus (100) kilometer daripada alamat rumah tetap **Pihak Diinsuranskan** / pemandu di Malaysia dan kejadian berlaku semasa beliau dalam perjalanan kerja atau santai; dan
- b) Baikpulih mengambil masa melebihi empat puluh lapan (48) jam.

Pembayaran balik di bawah faedah ini terhad kepada tiga (3) kali setahun dan resit asal daripada syarikat/pengendali hotel berlesen mestilah diserahkan kepada **Syarikat** untuk pembayaran balik.

Faedah 13 hanya akan dibayar jika Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda dilakukan oleh **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Syarikat** melainkan dinyatakan secara khusus bahawa Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda tersebut tidak dilindungi di bawah Faedah 9.

14. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL BAGI KEROSAKAN KENDERAAN DI REPUBLIK SINGAPURA

Jika berlaku kerosakan melibatkan Kereta Dinamakan di Republik Singapura semasa **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan kerja atau santai dan jika **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** memerlukan penginapan hotel, **Syarikat** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dialami sehingga jumlah khusus yang dinyatakan di dalam **Jadual** untuk setiap kejadian. Faedah ini hanya akan dibayar jika baikpulih mengambil masa melebihi dua puluh empat (24) jam dari waktu kerosakan berlaku dan dokumen berikut perlu diserahkan kepada **Syarikat**:

- a) Pengesahan bertulis daripada pembaikpulih berlesen yang mengendalikan bahawa baikpulih memerlukan lebih daripada dua puluh empat (24) jam dan perlu menyediakan butiran terperinci.
- b) Resit asal daripada pembaikpulih kereta dan pengendali hotel berlesen.

Pembayaran balik di bawah faedah ini terhad kepada tiga (3) kali setahun.

15. PROGRAM BANTUAN RUJUKAN

Pihak Diinsuranskan di bawah Polisi Pelan A, B dan C ini layak menyertai Program Bantuan Rujukan yang disediakan oleh **Liberty General** bersama Europ Assistance, 24 jam sehari, 365 hari setahun di dalam Malaysia sahaja. Faedah ini akan disediakan kepada **Pihak Diinsuranskan** dan/atau pemandu Kereta Dinamakan semasa **Tempoh Insurans**. **Pihak Diinsuranskan** dan/atau pemandu Kereta Dinamakan perlu menghubungi Liberty Auto Assist menggunakan talian bebas tol 24 jam bernombor 1-800-88-5005 untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan rujukan. **Syarikat** tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya Europ Assistance gagal menyediakan perkhidmatan atau sebarang kecuaihan atau kerosakan sengaja atas sebarang sebab daripada pihak Europ Assistance semasa menyediakan perkhidmatan. **Syarikat** boleh menukar penyedia perkhidmatan dari Europ Assistance kepada penyedia perkhidmatan lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis mengenai perubahan tersebut. Senarai perkhidmatan rujukan bantuan di bawah faedah ini adalah seperti berikut:

a) Bantuan Sewa Teksi dan Kereta

Jika berlaku kerosakan melibatkan Kereta Dinamakan, apabila diminta oleh **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan**, Europ Assistance akan membantu menguruskan perkhidmatan sewa teksi dan/atau rujukan ke syarikat sewa kereta. **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu membayar perbelanjaan yang dialami dan mendapatkan pembayaran balik daripada **Syarikat** di bawah Faedah 12 (Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta), tertakluk kepada jumlah faedah diinsuranskan, terma dan syarat.

b) Pengurusan untuk Penginapan Hotel

Jika berlaku kerosakan melibatkan Kereta Dinamakan, apabila diminta oleh **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan**, Europ Assistance akan membantu menguruskan tempahan hotel. **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu membayar untuk semua perbelanjaan yang dialami dan mendapatkan pembayaran balik daripada **Syarikat** di bawah Faedah 13 (Perbelanjaan Penginapan Hotel untuk Kerosakan Kereta di Malaysia), tertakluk kepada jumlah faedah diinsuranskan, terma dan syarat.

c) Pengurusan untuk Pemindahan Kecemasan

Jika **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** diwadkan di hospital selepas kerosakan kereta atau kemalangan yang melibatkan Kereta Dinamakan, apabila diminta, Europ Assistance akan menguruskan pemindahan **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** daripada kemudahan perubatan yang tidak lengkap ke kemudahan perubatan yang lengkap berhampiran. **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu membayar perbelanjaan yang dialami. Semua perbelanjaan pemindahan kecemasan yang dialami yang disebabkan oleh kerosakan kereta akan ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan**. Untuk perbelanjaan pemindahan kecemasan yang disebabkan oleh kemalangan, **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** boleh mendapatkan pembayaran balik daripada **Syarikat** di bawah Faedah 3C (Yuran Ambulans), tertakluk kepada jumlah faedah diinsuranskan, terma dan syarat.

d) Rujukan ke Pusat Servis dan Syarikat Sewa Kereta

Pihak Diinsuranskan atau pemandu boleh menghubungi Europ Assistance untuk mengaturkan temujanji dengan atau merujuk ke pusat servis dan baikpulih berdekatan di Malaysia untuk servis atau baikpulih kereta. Jika **Pihak Diinsuranskan** / pemandu memerlukan penggantian kereta semasa berlaku kemalangan yang melibatkan Kereta Dinamakan, Europ Assistance akan menguruskan rujukan ke syarikat sewa kereta terdekat di Malaysia. Semua kos akan ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** / pemandu.

e) Penghantaran Pesanan/Mesej Kecemasan

Jika berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan Kereta Dinamakan, apabila diminta, Europ Assistance akan membantu **Pihak Diinsuranskan** / pemandu menghubungi keluarga mereka.

16. PERLINDUNGAN EHSAN UNTUK SAMUN DAN PECAH TINGKAP

Sekiranya berlaku samun dan pecah tingkap dan/atau cermin kenderaan untuk Kereta Dinamakan oleh pihak ketiga secara paksa ketika Kereta Dinamakan **Diawasi Di jalan raya**, **Kami** akan:

- i) membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** sejumlah amaun yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun ehsan. Liabiliti **Syarikat** di bawah Faedah 16(i) adalah terhad kepada satu tuntutan dalam setiap tempoh insurans.
- ii) membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** sejumlah amaun yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun ehsan dan terhad kepada satu tuntutan dalam setiap tempoh insurans untuk kehilangan atau kerosakan barangan peribadi dan/atau kehilangan wang tunai milik **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan**.

Apabila membuat tuntutan insurans, laporan polis yang mengandungi maklumat lengkap berkenaan dengan kejadian kemalangan tersebut dan kerugian yang dialami oleh **Orang yang Diinsuranskan** adalah diperlukan. **Pihak Diinsuranskan** / **Orang yang Diinsuranskan** mestilah membuat laporan polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian kecuali dengan alasan wajar dan diterima oleh **Kami**.

17. PERLINDUNGAN PINJAMAN KERETA

Sekiranya tuntutan diperakui untuk Faedah 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Faedah 2 (Hilang Upaya Kekal) untuk **Pihak Diinsuranskan** sahaja, **Kami** akan membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan** bagi ansuran sewa beli untuk Kereta Dinamakan termasuk prinsipal dan faedah tertunggak kepada ansuran berikutnya yang kena dibayar bagi Kereta Dinamakan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Jika jumlah penyelesaian tuntutan melebihi amaun ansuran yang kena dibayar di bawah Perjanjian Sewa Beli, **Kami** akan membayar jumlah baki tuntutan kepada **Pihak Diinsuranskan** atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan**.

Pihak Diinsuranskan atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan** hendaklah mengemukakan satu salinan Perjanjian Sewa Beli dan Penyata Akaun kepada **Kami**.

Sekiranya Kereta Dinamakan tidak di bawah Perjanjian Sewa Beli, **Kami** akan membayar faedah yang kena dibayar sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada **Pihak Diinsuranskan** atau wakil sah **Pihak Diinsuranskan**.

18. BANTUAN ANTARABANGSA

Sekiranya Kereta Dinamakan mengalami kerosakan di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand (dalam lingkungan jarak 60 kilometer dari sempadan Malaysia), **Pihak Diinsuranskan** / pemandu berhak mendapatkan perkhidmatan tunda kerosakan kereta secara percuma ke bengkel terdekat yang ditetapkan oleh **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Syarikat** di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand. **Pihak Diinsuranskan** / pemandu Kereta Dinamakan mesti menghubungi 03-2268 5655 (caj dikenakan) untuk bantuan.

Jika kerja-kerja membaiki Kereta Dinamakan tidak dapat dilakukan di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand dan/atau atas permintaan **Pihak Diinsuranskan** / pemandu, **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik boleh membantu untuk mengatur penghantaran Kereta Dinamakan balik ke sempadan Malaysia. Perbelanjaan untuk penghantaran balik Kereta Dinamakan ke sempadan Malaysia hendaklah ditanggung oleh **Pihak Diinsuranskan** / pemandu.

Syarikat atau penyedia perkhidmatan dilantik tidak akan menyediakan perkhidmatan di bawah keadaan berikut:

- a) Perkhidmatan tunda yang tidak dikendalikan secara langsung oleh **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik.
- b) Kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.
- c) Ketiadaan alat mekanikal, enjin atau transmisi di dalam Kereta Dinamakan.
- d) Perkhidmatan tunda untuk melupuskan Kereta Dinamakan.
- e) Perkhidmatan tunda bagi Kereta Dinamakan yang dicuri, dibakar atau ditinggalkan.
- f) Perkhidmatan tunda atas sebab memindahkan Kereta Dinamakan dari satu bengkel ke bengkel yang lain.
- g) Kereta Dinamakan perlu ditunda selepas dihantar untuk kerja mengecat.
- h) Kemudahan tunda khas dan/atau peralatan khas diperlukan semasa menyediakan perkhidmatan tunda bagi Kereta Dinamakan, yang berasaskan penilaian **Syarikat** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik, dianggap berisiko tinggi dan/atau sewajarnya tidak wajar, contohnya apabila kereta atau tayar kereta jatuh ke dalam longkang atau sungai.
- i) Kerosakan Kereta Dinamakan disebabkan mengisi minyak kenderaan dengan minyak yang tidak sesuai untuk kenderaan tersebut.
- j) Kereta Dinamakan ditunda akibat kemalangan kenderaan bermotor.
- k) bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan kerosakan akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Kami dapat menghantar bantuan ke lokasi Kereta Dinamakan.
- l) Kereta Dinamakan terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan) atau jika Kereta Dinamakan telah diubah suai sehingga melanggar peraturan kerajaan.
- m) kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda menyertai secara sengaja.
- n) sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Anda atau Pemandu Dibenarkan Anda atau semasa menggunakan Kereta Dinamakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang.
- o) apabila Kereta Dinamakan berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap.
- p) apabila Kereta Dinamakan masih boleh dipandu dan tidak menimbulkan sebarang risiko semasa memandu dari segi undang-undang.

3

Peruntukan Khas

1. Faedah Kematian Akibat Kemalangan dan Faedah Hilang Upaya Kekal diperluaskan untuk melindungi **Pihak Diinsuranskan** dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambil kira sama ada beliau berada di dalam Kereta Dinamakan atau tidak. Jika Kereta Dinamakan didaftarkan di bawah pertubuhan/koperasi/syarikat, pemilik Kereta Dinamakan sebagai **Pihak Diinsuranskan** boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/faedah ini.
2. Di dalam keadaan di mana jumlah sebenar penumpang di dalam Kereta Dinamakan melebihi bilangan yang dinyatakan dalam **Jadual**, Had Liabiliti **Syarikat** untuk setiap orang untuk semua faedah kecuali Faedah 6,7,9 ke 14,16 dan 17 akan dikurangkan mengikut nisbah jumlah sebenar penumpang kepada bilangan penumpang yang diisytiharkan. Tiada had dikenakan kepada pemandu.

4

Pengecualian

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk mana-mana keadaan di bawah:

1. kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya:
 - a) oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia berlaku akibat luka dari kemalangan);
 - b) oleh apa-apa sakit atau penyakit kecuali seperti dinyatakan sebagai dilindungi secara khusus di bawah Faedah Elaun Pengebumian, tertakluk kepada terma dan syarat yang diperincikan dalam faedah tersebut;
 - c) oleh rawatan perubatan atau rawatan pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan berlaku dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Polisi);
 - d) oleh melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi berkaitan dengannya melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan dan/atau penumpang semasamemandu atau menumpang, menaiki atau turun dari Kereta Dinamakan;
 - e) jika **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setara dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.
 - f) semasa Kereta Dinamakan digunakan untuk aktiviti/perniagaan tidak sah atau sebagai pengangkutan yang tidak berlesen.
2. sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
3. mencederakan diri sendiri, tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
4. Kerugian berlaku di luar **Had Kawasan**.
5. kerugian yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pemusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, insurreksi, persubahatan, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau darurat atau mana-mana peristiwa yang mencetuskan deklarasi undang-undang tentera atau darurat, rampasan, kuarantin, atau undang-undang adat atau nasionalisasi oleh atau dibawah arahan kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat-alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di dalam masa tenteram atau peperangan.

Pengecualian ini tidak dipengaruhi oleh sebarang pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepada perkara yang tersebut di atas, secara keseluruhan atau sebahagian. **Pihak Diinsuranskan** seharusnya, jika diminta, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti **Syarikat**, membuktikan bahawa kerugian tersebut tidak timbul di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab yang tersebut di atas.
6. sebarang kerugian yang berlaku semasa Kereta Dinamakan digunakan untuk tujuan sewa, perlumbaan, rali jalan raya, ujian kelajuan atau kegunaan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
7. kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau yang timbul daripada pengionan, radiasi atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear. Khusus untuk tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear selenggara diri.

8. jika **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuatkuasakan sekiranya **Pihak Diinsuranskan** atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
9. sewaktu melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang.
10. kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.
11. sebarang keadaan sedia ada atau kecacatan fizikal atau penyakit, sebarang bentuk sawan.
12. **Pihak Diinsuranskan** sedang dalam penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan, **Pihak Diinsuranskan** terlibat dalam aktiviti peluncuran air, menyelam skuba dan aktiviti di dalam air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan dalam air, memburu, lemas, mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, payung terjun, luncur udara, penerjunan bebas, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sebarang perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki, kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung daripada pembunuhan atau serangan provokasi, keracunan makanan dan gigitan serangga, ular, haiwan perosak atau binatang. Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah Faedah Elaun Pengebumian dilindungi di bawah keadaan khusus seperti dinyatakan di dalam faedah tersebut.
13. kehilangan, kerosakan atau liabiliti terhadap Kereta Dinamakan atau berpunca daripada Kereta Dinamakan ketika Perkhidmatan Bantuan Kerosakan atau Perkhidmatan Tunda.
14. semasa **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** terlibat dalam **Pergaduhan** atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau **Demonstrasi**.
15. Klausu Pengecualian Kerugian Siber Terhad
 - a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam **Polisi** ini, **Polisi** ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
 - b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
 - c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh **Pihak Diinsuranskan** atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
 - d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
 - e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
16. Klausu Pengecualian Pandemik
 - a) **Polisi** ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
 - b) Pandemik menurut perenggan a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
 - c) Jika **Syarikat** mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh **Polisi** ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab **Pihak Diinsuranskan**.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

1. KONTRAK

Polisi dan **Jadual** ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian Polisi atau **Jadual** ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian di mana jua ia mungkin dicatat.

2. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

Pihak/**Orang yang Diinsuranskan** seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan Pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak/**Orang yang Diinsuranskan** hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti **Syarikat** untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

3. PERTUKARAN DI DALAM POLISI

Sebarang pertukaran di dalam Polisi adalah tidak sah melainkan ia dipersetujui dan diakui oleh pegawai **Syarikat** yang diberi kuasa oleh **Syarikat** dan persetujuan tersebut diendorskan kepadanya.

4. TUNTUTAN

- a) Jika berlaku apa-apa kemalangan yang mungkin menyebabkan pampasan dibayar di bawah Polisi ini, **Pihak Diinsuranskan / Orang yang Diinsuranskan** seharusnya segera mendapatkan khidmat **Pengamal Perubatan** dan menjalani sebarang rawatan yang dianggap perlu oleh **Pengamal Perubatan** tersebut.
- b) Sebaik sahaja berlakunya sebarang kemalangan yang mungkin akan menimbulkan satu tuntutan di bawah Polisi ini, **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** hendaklah memberi notis kepada **Syarikat** dalam masa empat belas (14) hari selepas kejadian kemalangan tersebut dengan segala keterangan mengenai kemalangan dan kecederaan itu. Kematian **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** akan ditentukan melalui Sijil Kematian rasmi atau sekiranya kehilangan diri selepas kemalangan, oleh Mahkamah yang menganggap beliau telah mati.
- c) Selepas berlaku apa-apa kemalangan yang telah atau mungkin menimbulkan satu tuntutan, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah mengambil langkah-langkah terbaik untuk menjaga mana-mana peralatan atau barang sama ada rosak atau tidak berfungsi atau dalam hal lain mungkin diperlukan atau berguna sebagai bukti berkenaan mana-mana tuntutan dan tiada perubahan atau pembaikan yang boleh dibuat pada mana-mana barangan berkenaan dengan atau yang terlibat dalam kemalangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada **Syarikat**. **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** tidak boleh menafikan liabiliti membuat perundingan atau tawaran, janji atau pembayaran yang berkaitan dengan mana-mana kemalangan atau tuntutan tanpa persetujuan bertulis daripada **Syarikat**, dan **Syarikat** berhak mengambil alih dan menguruskan bagi **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** untuk mempertahankan sebarang tuntutan atau mendakwa bagi **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** atas kos **Syarikat** untuk kepentingan **Syarikat**, untuk pampasan atau kerosakan atau dalam hal lain yang berkaitan dengan sesiapa dan harus mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam mana-mana perundingan dan dalam menyelesaikan mana-mana tuntutan dan **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** perlu memberi segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh **Syarikat**.
- d) Semua sijil, resit akaun, dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh **Syarikat** hendaklah disediakan atas kos **Pihak Diinsuranskan** atau mana-mana pihak menuntut dan hendaklah dalam bentuk dan rupa yang telah ditetapkan oleh **Syarikat**.

5. PEMERIKSAAN PERUBATAN

Syarikat berhak dan berpeluang untuk menjalankan pemeriksaan ke atas **Pihak Diinsuranskan** dan/atau **Orang yang Diinsuranskan** sekerap yang diperlukan semasa tuntutan sedang dinilai dan mempunyai hak dan peluang untuk membuat autopsi dalam kes kematian akibat kemalangan di mana ia tidak dilarang oleh undang-undang.

6. DUA ATAU LEBIH POLISI

Jika berlaku kejadian tuntutan di bawah Faedah 3, 6, 7 dan 10 sehingga 14 di dalam Polisi dan terdapat polisi insurans lain dengan **Syarikat** atau syarikat insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau sebahagian daripadanya, **Syarikat** tidak akan membayar melebihi perkadaran puratanya.

7. PEMBATALAN OLEH PIHAK DIINSURANSKAN

Polisi ini boleh dibatalkan oleh **Pihak Diinsuranskan** dengan memberi notis bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kepada **Syarikat**. **Syarikat** akan menyimpan premium selaras dengan jadual jangka pendek **Syarikat** untuk selama tempoh Polisi telah berkuat kuasa dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans yang belum luput, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa **Tempoh Insurans**.

Tempoh tidak melebihi	Peratus (%) Pemulangan Premium Tahunan
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pemulangan

8. PEMBATALAN OLEH SYARIKAT

Syarikat boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas hari (14) hari melalui surat berdaftar kepada **Pihak Diinsuranskan** di alamat terakhir yang diketahui oleh **Syarikat** dan menyatakan tarikh kuat kuasa pembatalan. **Syarikat** akan memulangkan jumlah pro rata premium bagi baki tempoh insurans yang dibayar oleh **Pihak Diinsuranskan**. Pembatalan ini adalah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang telah dibuat sebelum ini.

9. PENIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak bersetuju atas seorang Penimbang Tara, ia akan dirujuk kepada dua orang Penimbang Tara yang salah seorang dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis oleh mana-mana satu pihak atau sekiranya Penimbang Tara tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan mereka. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara serta mengengerusikan mesyuarat dan keputusan mengenai Award akan menjadi syarat-syarat terdahulu sebelum apa-apa hak tindakan dibuat terhadap **Syarikat**. Jika **Syarikat** menafikan liabiliti kepada **Pihak Diinsuranskan** untuk mana-mana tuntutan berikut dan tuntutan tersebut bukan dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian dirujukkan kepada Penimbang Tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini maka tuntutan bagi segala tujuan akan dianggap telah dihentikan dan seterusnya tidak akan diperolehi semula mengikut polisi ini.

10. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA

Indemniti yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai kepada atau termasuk:

- a) pampasan untuk kerugian bagi pengadilan yang bukan ditentukan atau diperolehi daripada Mahkamah di bawah bidang kuasa undang-undang di Malaysia.
- b) kos dan perbelanjaan perundangan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada **Pihak Diinsuranskan** yang tidak ditanggung di dan boleh dituntut balik di Malaysia.

11. PEMATUHAN KEPADA PERLINDUNGAN INSURANS MOTOR

Polisi ini ditawarkan kepada pelanggan Liberty Insurance dan akan dibatalkan dan tidak sah secara automatik jika Kereta Dinamakan seperti di dalam **Jadual** tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.

12. SALAH NYATAAN / PENIPUAN

Polisi ini akan boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh **Pihak Diinsuranskan**, yang mana **Pihak Diinsuranskan** tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk **Syarikat**) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu **Syarikat**.

13. TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN

Polisi ini akan luput/tamat pada tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir **Tempoh Insurans** dan boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan bersama antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Syarikat**. Polisi ini akan tertakluk kepada semakan pada ulang tahun Polisi, iaitu pada satu tahun selepas tarikh kuat kuasa dan secara tahunan selepasnya.

Walaupun bagaimanapun, Polisi ini tidak boleh diperbaharui jika berlaku salah satu yang berikut:

- a) premium tidak dibayar, atau
- b) **Pihak Diinsuranskan** telah meninggal dunia, atau
- c) **Pihak Diinsuranskan** telah menuntut Faedah Hilang Upaya Kekal, atau
- d) Kereta Dinamakan tidak lagi diinsuranskan di bawah polisi motor kereta persendirian.

14. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna

- a) Menurut Perenggan 5, **Jadual 9** dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Pihak Diinsuranskan** ketahui ada berkaitan dengan keputusan **Syarikat** menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai; jika sebaliknya, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- b) **Orang yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada **Kami** dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak **Kami**, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

15. PENAMATAN POLISI

Polisi akan tamat/luput secara automatik apabila **Pihak Diinsuranskan** meninggal dunia atau apabila **Pihak Diinsuranskan** tidak mempunyai hakmilik/kepentingan berinsurans ke atas Kereta Dinamakan. Selepas menerima notis bertulis daripada **Pihak Diinsuranskan** / wakil sah / waris terdekat **Pihak Diinsuranskan**, **Syarikat** akan membatalkan Polisi ini. **Syarikat** akan menyimpan premium selaras dengan kadar jangka pendek **Syarikat** untuk tempoh Polisi telah berkuat kuasa dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans yang belum luput kepada wakil sah, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa **Tempoh Insurans**.

16. KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah **Polisi** ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan **Kami** kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika **Syarikat** atau Malaysia.

Fasal Dan Pengendorsan dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi (Sah Jika Dinyatakan Secara Khusus Dalam Jadual)

SYARAT KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO

Akaun Calonan bermaksud akaun yang dicalonkan oleh **Pihak Diinsuranskan** dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh **Pihak Diinsuranskan**, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

Premium

- a) Premium yang dinyatakan dalam Polisi patut dibayar pada tarikh kuat kuasa Polisi. Jika dibayar secara tahunan, dibayar pada setiap ulang tahun Polisi dan jika dibayar pada setiap bulan, pembayaran adalah pada tarikh yang sama bagi setiap bulan berikutnya. Jika pada bulan tersebut di mana premium sepatutnya dibayar, tidak mempunyai tarikh yang sama seperti bulan sebelum ini, maka premium akan dibayar pada hari terakhir pada bulan tersebut.
- b) Premium akan dicajkan pada Akaun Calonan **Pihak Diinsuranskan** apabila tiba tempoh bayaran.
- c) Pembayaran premium akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

Pembatalan Secara Automatik

- a) Polisi ini akan dibatalkan secara automatik apabila Akaun Calonan **Pihak Diinsuranskan** di mana premium untuk Polisi telah dicajkan telah ditamatkan.
- b) Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

Notis Penting

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memberitahu kepada **Syarikat** dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. **Pihak Diinsuranskan** yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Syarikat** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) Unit Pengendalian Aduan

Liberty General Insurance Berhad

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
 Liberty Insurance Tower,
 CT9, Pavilion Damansara Heights,
 3, Jalan Damanlela,
 Pusat Bandar Damansara,
 50490 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2268 3333 atau 1 300 88 8990

Emel : customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

b) Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)

(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

No. Syarikat : 200401025885

Talian Am : +603 2272 2811

Alamat : Level 14, Main Block,
 Menara Takaful Malaysia,
 No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
 50000 Kuala Lumpur.

Laman Web : www.fmos.org.my

c) BNMLINK

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK

Laman Web : www.bnm.gov.my